

28 JUN 2003

Penglima-Komando

PANGLIMA TENTERA DARAT DIANUGERAH BERET HIJAU

MELAKA, 28 Jun (Bernama) -- Panglima Tentera Darat Jen Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin hari ini diterima sebagai warga komando apabila dianggerahkan "beret hijau" yang menjadi lambang kebanggaan Regimen Gerak Khas (RGK) dalam satu majlis di Kem Sungai Udang di sini.

Penganugerahan beret hijau kehormat ke atas Mohd Shahrom disempurnakan oleh Pengerusi RGK, Brig Jen Datuk Mohd Rodi Zakaria.

"Hari ini, saya termasuk dalam golongan bertuah kerana diterima menjadi warga komando," katanya ketika berucap di majlis tersebut.

Mohd Shahrom, 55, yang berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan menyertai angkatan tentera sejak 35 tahun lepas.

Katanya, beliau pernah menulis surat kepada pihak atasan pada tahun 1968 untuk menyertai pasukan komando ketika itu, tetapi telah ditolak dan ditawarkan sebagai Pegawai Ajutan.

"Minat untuk menyertai pasukan elit angkatan tentera itu timbul sewaktu saya bertugas sebagai Ketua Platun di Kem Segenting yang bersempadan dengan Selatan Thailand," katanya.

Sementara itu, Mohd Rodi ketika ditemui berkata pemakaian beret hijau selain kepada pegawai kanan tentera, turut dianugerahkan kepada orang kenamaan yang penerimanya termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga berkata RGK yang kini berpusat di Sungai Udang dijangka berpindah ke markas barunya di Mersing, Johor pada Januari tahun depan.

Bagaimanapun, Kem Sungai Udang akan dikekalkan sebagai pusat latihan.

-- BERNAMA

NO ZB